

Jawatankuasa bersama kementerian tangani kos penjagaan kesihatan

BERITA HARIAN 18 JUN 2025

m/3

Kerajaan pastikan semua rakyat boleh akses, mampu miliki kelengkapan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Alzahrin Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan penubuhan jawatankuasa bersama kementerian untuk menangani peningkatan kos penjagaan kesihatan yang kini menjadi satu cabaran utama yang menjejaskan kehidupan rakyat.

Beliau berkata jawatankuasa yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan Bank Negara Malaysia (BNM) itu akan bekerjasama untuk memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti, mampu dimiliki dan boleh diakses semua rakyat Malaysia.

Beliau menyifatkan masalah



Anwar dan Gabenor Bank Negara, Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour bersama peserta iTekad pada Simposium Sasana 2025 di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

itu sebagai isu nasional yang memerlukan tindakan segera.

“Ini bukan hanya isu ekonomi. Ini isu kesejahteraan nasional. Ramai rakyat tidak mampu mendapatkan rawatan kesihatan kerana kos yang tinggi,” katanya

dalam ucap terna di Simposium Sasana 2025, di sini, semalam.

“Kita tidak bercakap mengenai perubahan kecil, tetapi perubahan asas.

“Kita perlu beralih kepada sis-

tem penjagaan kesihatan swasta berasaskan nilai yang mengutamakan keputusan klinikal, ketelusan dan keadilan,” katanya.

Beliau berkata, tumpuan perlu beralih daripada pembaikan secara beransur-ansur kepada satu

sistem penjagaan kesihatan swasta berasaskan nilai, yang mengutamakan keberhasilan, ketelusan dan keadilan.

Antara pembaharuan yang dicadangkan, termasuk penetapan harga yang lebih jelas, penggunaan teknologi kesihatan digital, serta insurans kesihatan asas mampu milik untuk rakyat.

Anwar kongsi pengalaman

Anwar turut berkongsi pengalamannya mendapatkan rawatan di hospital kerajaan yang menunjukkan keperluan memperkukuh sistem awam agar lebih cekap dan tidak bergantung kepada pembelian kelengkapan mahal yang tidak digunakan secara optimum.

“Terdapat katil dibeli dengan harga ratusan ribu ringgit, tetapi tidak digunakan dengan sebaiknya. Ini mencerminkan pembaziran yang perlu dielakkan,” katanya.

Perdana Menteri juga menekankan perlunya integriti institusi kerajaan diperhebat termasuk memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan penguatkuasaan undang-undang dalam semua agensi kerajaan dan sektor swasta.